

# Susunan Keutamaan Maslahah Dan Fungsinya Dalam Perundangan Islam

Mohd. Noor B. Deris

## Abstract

*The paper will divide maslahah into aspects portraying their respective priorities depicting the supremacy of Islamic Law. The function of maslahah as a law developing element is elaborated and exemplified.*

## Pendahuluan

Dalam penelitian (istiqra') ahli perundangan Islam, telah terbukti bahawa Allah s.w.t. mengaturkan hukum-Nya mengikut susunan kemaslahatan manusia sejagat. Mereka membahagikan maslahah kepada beberapa bahagian. Pembahagian ini telah mengeluarkan natijah-natijah penting sehingga terserlah keadilan dan keunggulan undang-undang Islam.

Tajuk ini ditulis untuk melihat sejauhmanakah permasalahan yang timbul dalam pelaksanaan undang-undang yang berdasarkan maslahah.

Tidak dapat dinafikan bahawa undang-undang dan fatwa adalah berafaedah dan diperlukan pada setiap masa dan keadaan selaras dengan perkembangan dan tamaddun yang dicapai. Apa yang menjadi kekeliruan ialah kadang-kadang maslahah itu tidak

diatur mengikut susunan yang sewajarnya. Pengabaian tertib ini menggagalkan pencapaian hikmat dari undang-undang itu, seterusnya tidak dapat mencapai matlamat yang dikehendaki oleh syariah Islam.

Tidak syak lagi bahawa dalam pelaksanaan sesuatu peraturan atau rancangan seringkali dikaitkan dengan maslahah atau kepentingan-kepentingan tertentu termasuklah akta-akta yang diluluskan di Parlimen, persoalannya adakah maslahah dari tindakan dan setiap undang-undang yang digubal berdasarkan maslahah itu diatur mengikut susunan keutamaan atau sebaliknya? Adakah ia bersesuaian dengan kaedah perundangan Islam atau tidak?

### Pembahagian Maslahah

“Maslahah”, jika ditinjau dari sudut kekuatan dan keutamaannya terbahagi kepada tiga peringkat iaitu:

1. Memelihara keperluan asasi (*maslahah daruriyyah*).
2. Memelihara kepentingan manusia dalam keperluan sampingan (*maslahah hajiyyah*).
3. Memelihara keselesaan dan keharmonian hidup (*maslahah tafsiniyyah*).<sup>1</sup>

Dari sudut ruang lingkupnya pula, maslahat terbahagi kepada tiga bahagian juga iaitu:

1. Kepentingan awam (*maslahah ‘ammah*).
2. Kepentingan orang kebanyakkan (*maslahah ‘aghlabiyyah*).
3. Kepentingan orang perseorangan (*maslahah khassah*).<sup>2</sup>

Penulis tertarik dengan ulasan yang dibuat oleh Dr. Muhammad al-Said<sup>3</sup> yang membuat penekanan dalam susunan keutamaan ini dengan menjelaskan bahawa perihal pentingnya pembahagian ini dapat dilihat bila berlakunya pertembongan antara dua atau beberapa maslahah, kerana diwaktu itu wajib memilih (mentarjih) yang mana satu untuk diperakui dan dilaksanakan. Para ‘ulama perundangan Islam telah membuat ketetapan bahawa *maslahah daruriyyah* mesti diutamakan dari *maslahah hajiyyah* dengan alasan jika *maslahah daruriyyah* tidak dilakukan akan membawa kepada kecacatan hidup di dunia serta hilang nikmat di akhirat. Sedangkan membelakangi *maslahah hajiyyah* tidak menyebabkan cacat sistem hidup, ia cuma mengakibatkan kesusahan dan kesukaran (*masyaqqah*) sahaja, lantaran itu *maslahah daruriyyah* diutamakan.

Kemudian *maslahah hajiyyah* mestilah diutamakan dari *maslahah tafsiniyyah*. Ini ialah kerana ketiadaan maslahah hajiyyah akan membawa kepada kesukaran, berlainan dengan ketiadaan *maslahah tafsiniyyah* yang hanya tidak memberi kesempurnaan dan keselesaan sahaja.<sup>4</sup>

Dengan ini jelaslah bahawa undang-undang dan segala peraturan yang digubal

berdasarkan *maslahah daruriyyah* adalah sepenting-penting hukum yang paling mustahak diperakui dan dijamin pelaksanaannya. Diikuti dengan undang-undang yang didasarkan kepada *maslahah hajiyah* kemudian barulah diikuti dengan undang-undang yang diputuskan berdasarkan kepada *maslahah tahsiniyyah*.

Bila ditinjau lebih mendalam, semakin jelas kelihatan betapa seni dan unggulnya kaedah perundangan Islam yang meletakkan bahagian *maslahah daruriyyah* sebagai paling tinggi darjat dalam susunan maslahah. Sementara *maslahah daruriyyah* itu pula dikategori dalam lima perkara:

- (a) Memelihara agama.
- (b) Memelihara nyawa.
- (c) Memelihara akal.
- (d) Memelihara keturunan dan
- (e) Memelihara harta.

Ulama perundangan Islam telah membuat ketetapan wujudnya tertib antara lima jenis *daruriyyat* tadi iaitu kepentingan agama diletak pada kelas pertama dan lebih utama dari kepentingan jiwa, sementara kepentingan jiwa (nyawa) mestilah diutamakan dari kepentingan keturunan, kepentingan keturunan pula diutamakan dari kepentingan harta.<sup>5</sup>

Mereka juga telah membuat kaedah bahawa selama mana *hajiyah* dapat melengkap dan menyempurnakan *daruriyyat* adalah diperakui, dan *tahsiniyyat* diperakui selagi ianya dapat melengkapkan *hajiyah*. Apabila maslahah pelengkap itu membawa kepada hilang asalnya (maslahah pokoknya), tidaklah dibolehkán lagi maslahah pelengkap itu diperakui alasannya dan terpaksa salah digugurkan. Lantaran itu tidak boleh diraikan hukum *tahsini* apabila keraian itu mencacatkan atau mengganggu hukum *hajiy*, lebih-lebih lagi apabila menggugat hukum *daruri*. Dan tidak boleh meraikan hukum *hajiy* jika ia menjelaskan hukum *daruri*, kerana pelengkap tidak harus diakui apabila bertentangan atau bertembung dengan dasar yang hendak disempurnakan. Sebab itulah undang-undang Islam mengharuskan aurat dibuka ketika berhajat atau darurat, seperti pandangan doktor kepada aurat perempuan dengan tujuan mengubatinya jika benar-benar diperlukan atau betul-betul mustahak kerana menutup aurat adalah di antara hukum *tahsinat*, maka tidak diambil kira bila bertembung dengan *hajiyah* atau *daruriyyat*.<sup>6</sup>

Begini juga diharuskan makan bangkai ketika darurat, kerana larangan terhadap makan bangkai adalah di antara *tahsinat*, sedangkan memelihara nyawa adalah di antara *daruriyyat*. Sebagaimana diwajibkan perkara-perkara fardu ke atas para mukallaf, sekalipun wujud kesukaran (*masyaqqah*) dalam melaksanakannya kerana fardu-fardu itu di antara *daruriyyat* sementara mencegah dan mengelak dari kesukaran itu adalah di antara *hajiyah*.<sup>7</sup>

Hukum-hukum *daruriyyah* wajib diperakui dan tidak harus dikandaskan (diganggu) dengan hukum *daruriyyah* yang lain kecuali apabila membawa kepada tergugat hukum *daruriyyah* yang lebih penting darinya. Sebab itulah kita lihat

undang-undang Islam mewajib jihad demi kepentingan agama sekalipun menghadapi risiko hilang nyawa dan terkorban beberapa jiwa kerana memelihara agama lebih penting daripada memelihara nyawa. Islam mengharuskan minum arak kepada orang yang dipaksa atau terpaksa di mana nyawanya terancam, kerana memelihara nyawa lebih penting daripada memelihara akal. Undang-undang Islam memberi perlindungan dan mengharuskan pembinasan harta apabila dipaksa berbuat demikian, kerana menjaga nyawa lebih penting daripada menjaga harta.<sup>8</sup>

Islam melarang dan mengharamkan berkahwin, jika perkahwinan itu membawa kepada gila, kerana menjaga akal lebih penting daripada menjaga keturunan, bangsa atau umat. Islam mengarahkan supaya muncurah arak meskipun rugi mengikut perhitungan ekonomi, kerana kepentingan akal, kewibawaan dan kesempurnaan lebih penting dari harta. Islam melarang keras membunuh bayi atau membiar maut walaupun terpaksa mengorbankan harta, kerana keturunan dan jenerasi manusia itu lebih penting dari harta. Oleh itu janganlah meletakkan nombor lima (harta) di tempat pertama dengan merendah dan menurunkan martabat kepentingan agama menjadi nombor dua atau sebagainya. Tertib ini mesti dipelihara dengan baik supaya sesuai dengan kehendak perundangan Islam.

Agama adalah kemuncak kepentingan dan keperluan manusia. Agama dapat membezakan jenis kehidupan manusia dari yang lain. Berugama adalah keistimewaan manusia.

Sungguh tepat sekali apa yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazali (m. 505H) bahawa kelima-lima maslahah ini mestilah dipelihara kerana kedudukannya pada martabat *daruriyyat* iaitu setinggi-tinggi martabat dalam kumpulan maslahah. Contohnya ketetapan hukum syarak dengan membunuh orang kafir yang menyesat (memesongkan) orang lain dan menyaksikan mutbadi' yang menyeru kepada bid'ahnya kerana membiarkan perkara ini membawa kepada rosak dan hilang pegangan agama orang ramai. Islam mewajibkan qisas kerana dengan cara ini sahaja dapat menyelamatkan nyawa manusia. Islam mewajibkan hadd ke atas peminum arak kerana dengannya dapat memelihara akal fikiran manusia. Islam mewajibkan hadd zina kerana dengannya dapat mengawal keturunan manusia dan Islam mewajibkan mencegah perampas dan pencuri kerana dengan demikian dapat menjaga harta yang menjadi sara hidup manusia di mana terpaksa bergantung kepadanya.<sup>9</sup>

### Maslahah Hajiyah

Maslahah *Hajiyah* ialah segala yang diperlukan oleh manusia untuk mengelakkan *masyaqqah'* (kesukaran) dan menghapuskan kesulitan atau kepicikan. Dengan ketiadaan *hajiyah*, manusia akan menghadapi bermacam kesukaran hidup sekalipun hidup itu sendiri tidak cacat atau musnah. Maslahah *Hajiyah* ini berlaku dalam empat bidang iaitu bidang-bidang ibadat, adat, mu'amalah dan jenayah.<sup>10</sup>

Dalam bidang ibadat contohnya undang-undang Islam telah memperuntukkan beberapa rukhsah (رخصة) yang memberikan keringanan berbuka puasa bagi orang sakit dan musafir, sembahyang qasar dan jamak kepada orang musafir dan

lain-lain untuk menghindarkan *masyaqqah* (kesukaran).<sup>11</sup>

Dalam bidang adat contohnya Islam mengharuskan memburu, makan dan minum yang lazat, memakai pakaian yang cantik, mendiami tempat yang indah dan sebagainya.<sup>12</sup>

Dalam bidang mu'amalat, contohnya Islam membolehkan penjualan secara *salam*,<sup>13</sup> penerokaan tanah hutan, bercocok tanam dan sebagainya.

Dalam bidang jenayah atau *uqubat* (keseksaan) pula contohnya, undang-undang Islam mengenakan *diyat*<sup>14</sup> (gantirugi) atas ‘*aqilah*,<sup>15</sup> *qasamah*,<sup>16</sup> dan menolak *hudud* lantaran kesamaran pada perkara dakwaan<sup>17</sup> dan lain-lain.

Contoh-contoh di atas, menjelaskan bahawa semua hukum bahagian ini tidaklah menjadi *daruriyyah* (mustahak) untuk memelihara lima perkara maslahat asas. Ia lebih merupakan pelengkap bagi tujuan-tujuan itu serta mengelak kesukaran (*mashaqqah*) dalam mencapai pokok maslahah tadi. Hukum dan peraturan jualbeli *salam*, *musaqat*,<sup>18</sup> *qiraad*<sup>19</sup> dan sebagainya tidaklah menjadi *daruri* untuk menjaga nyawa atau harta, tetapi ianya menyempurnakan tujuan tersebut disamping mengelakkan dari kesukaran hidup dan kepicikan ekonomi jika akad-akad itu tidak dilakukan.<sup>20</sup>

### Maslahah Tahsiniyyah

Maslahah *Tahsiniyyah* atau *Tazyiniyyah* ialah mempergunakan segala perkara yang layak dan patut untuk kemuliaan akhlak, ketinggian maruah serta keindahan adat. Jika tiada perkara-perkara itu tidaklah mencacatkan kehidupan manusia sebagaimana berlaku pada martabat pertama (maslahah *daruriyyah*) dan tidak juga seperti berlaku pada martabat kedua (maslahah *hajiyah*). Tetapi hidupnya dibenci dan dicemuh oleh orang-orang yang berfikiran waras dan bertabiat sejahtera. Semuanya ini adalah dari bahagian *makarim al-akhlaq* (ketinggian moral) dan perkara yang boleh memperbaiki keadaan adat istiadat serta perjalanan hidup manusia dengan cara yang *afdal* (lebih baik).<sup>21</sup>

Maksud *Maslahah al-Tahsinat* (*al-Tazyinat/al-Kamaliyyat*) ini berlaku dalam empat bidang berikut: ibadat, adat, mu'amalat dan ‘*uqubat* (jenayah).

Al-Shatibi (m. 790 H.) membawa beberapa contoh dengan menerangkan *Maslahah al-Tahsinat* dalam ibadat adalah seperti kewajipan bersuci dari najis sama ada *hissiyyah* mahupun *ma'naviyyah* dari hadas kecil atau hadas besar, menutup aurat, mengerjakan amalan-amalan sunat, bersedekah dan sebagainya. Dalam bidang adat, seperti memelihara adab-adab makan minum, menjauhi makanan-makanan yang najis serta tidak berlebih-lebihan (*israf*) atau berkang-kurangan (*iqtar*) dan sebagainya. Dalam bidang mu'amalat, Islam melarang jualan najis dan sisa-sisa air atau rumput, menghilangkan kuasa hamba abdi daripada jawatan saksi dan imam (pemimpin) dan sebagainya. Dalam bidang jenayah ('*uqubat*) pula seperti larangan menghukum bunuh orang merdeka dengan sebab membunuh hamba abdi dan larangan Islam membunuh wanita, kanak-kanak dan ahli ibadat dalam peperangan.<sup>22</sup>

Tertib Maslahah juga perlu diteliti apabila bertembung di antara *maslahah*

'ammah, maslahah aghlabiyah dan maslahah khassah.

Dr. Husin Hamid Hassan menyatakan bahawa beliau tidak nampak selain dari Imam al-Ghazali yang menyebut dengan jelas mengenai pembahagian ini, meskipun ada sesetengah ulama menyentuhnya secara ringkas ketika memperkatakan keutamaan yang mesti dipilih (*tarjih*) andainya berlaku pertembungan antara beberapa maslahah itu.<sup>23</sup>

Apabila diteliti dalam perkara ini dapatlah disimpulkan bahawa para sarjana undang-undang Islam telah menetapkan bahawa setiap tempat atau setiap kali pertembungan antara *maslahah ammah* (kepentingan awam) dengan *maslahah aghlabiyah* maka hendaklah *maslahah 'ammah* diutamakan. Berdasar kepada kaedah inilah maka maslahah dalam hukum membunuh *Mubtadi*<sup>24</sup> yang menyeru atau cuba mempengaruhi orang lain kepada bid'ahnya yang menyebab kemudaratannya merebak kepada orang ramai, maka hukum ini hendaklah dilaksanakan walaupun bercanggah dengan kepentingan beberapa orang yang terlibat itu.

Manakala *maslahah aghlabiyah* pula bercanggah dengan *maslahah khassah* maka *maslahah aghlabiyah* hendaklah diutamakan. Sebagai contoh Islam mengharamkan sorok serta merampaskan barang-barang yang disorok dari penyorok secara kekerasan. Disini menunjukkan bahawa *maslahah 'ammah* (kepentingan orang ramai diutamakan dari kepentingan peribadi individu (*maslahah khassah*), demi menjamin kecukupan barang-barang keperluan masyarakat meskipun menjelaskan maslahah perseorangan (penyorok) di dalam mengejar keuntungannya.<sup>25</sup>

Mengikut kaedah perundangan inilah pengambilan tanah milik perseorangan atau beberapa orang perlu dilaksanakan dengan tujuan untuk pembangunan atau rancangan-rancangan yang mustahak dan berfaedah kepada kumpulan masyarakat yang lebih besar.

### Kesimpulan

Demikianlah di antara contoh-contoh yang dikemukakan oleh ahli-ahli perundangan Islam mengenai keindahan susunan keutamaan maslahah yang boleh dijadikan landasan dan ukuran dalam membuat sesuatu fatwa yang berautoriti atau menggubal undang-undang yang kukuh dan tidak boleh dipertikaikan, serta bertepatan dengan ruh syariah yang bertujuan menegakkan keadilan. Ini membuktikan bahawa hukum syarak bukan sahaja undang-undang yang terbaik dari segi teorinya, akan tetapi ia adalah terbaik di dalam pelaksanaannya.

Keindahan dan kebagusan undang-undang Islam akan dapat dinikmati apabila tertib keutamaan ini dipelihara mengikut yang sewajarnya dalam pembinaan hukum dari semasa ke semasa. Pengabaian ke atas tertib ini akan menggagalkan pencapaian matlamat pelaksanaan sesuatu undang-undang. Tegasnya undang-undang yang didasarkan kepada kepentingan atau maslahah yang kebelakangan, tetapi bercanggah dengan kepentingan dan maslahah yang lebih utama bukanlah undang-undang yang Islamik, kerana tidak dapat mencapai matlamat yang dikehendaki oleh syariat Islam.

### Nota Kaki

1. Untuk keterangan lanjut lihat, al-Syatibi, *al-Muwafaqat*, Kaherah, 1975 M. Juz, 2, h. 8.
2. Untuk keterangan lebih lanjut lihat, Dr. Husin Hamid Hassan, *Nazariyyah al-Maslahah fi al-Fiqh al-Islami*, Kaherah, 1971, h.44.
3. Muhammad al-Sa'id, Dr. *Buhuth fi al-Adillah al-Mukhtalaf Fiha 'inda al-Usuliyyin*, Kaherah, 1977, h.86 dan seterusnya.
4. *Ibid*, h.97-98; cf. Dr. Husin Hamid Hassan, *op.cit*,h.32.
5. *Ibid*, h.98 of. Dr. Husain Hamid Hassan, *op.cit.*, h.32-33.
6. *Ibid*.
7. *Ibid*, h.99.
8. *Ibid*.
9. Al-Ghazali Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad al-Tusi al-Shafi'i, *al-Mustafa min 'Ilm al-Usul*, Kaherah, 1322H.c Juz. 1, h. 287-288.
10. Dr. Husain Hamid Hassan, *op.cit.*, h.28-29.
11. *Ibid*, cf. Dr. Mohd, al-Sa'id, *op.cit.*, h.92.
12. Al-Shatibi, *al-Muwafaqat*, *op.cit.*, h.11.; cf. Mohd. al-Sa'id, *op.cit.*, h.93; cf. Dr. Husain Hamid Hassan, *op.cit.*, h. 28-29.
13. Untuk keterangan lanjut, lihat, al-Kasani, *Bada'i al-Sana'i*, Kaherah, t.t., Juz. 7, h.3147.
14. *Diyat* ialah nama kepada gantian yang berbentuk harta yang diwajibkan ke atas seseorang atau pihaknya dengan sebab jenayah, lihat al-Shadzili, Dr. Hasan 'Ali, *al-Jinayat fi al-fiqh al-Islami*, Kaherah, 1398 H./1978 M., Juz. 1. h.337.
15. 'Aqilah ialah pembayar-pembayar diyat, untuk keterangan lanjut, lihat al-Shadzili, *op.cit.*, h.337; dan h.398. Untuk keterangan lebih lanjut lagi, *ibid.*, h. 404 dan seterusnya;lihat juga Said Hawa, *al-Islam*, Kaherah, 1397H..Juz. 3, h.184.
16. *Qasamah* ialah sumpahan yang berulang-ulang dalam menolak dakwaan bunuh, lihat Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Riyad, t.t. Juz. 8. h.94.
17. Prof. Dr. T.M. Hasbi Ash-Shidieqy, *Falsafah Hukum Islam*, Jakarta, 1975, h.190; cf. Lihat juga Dr. Muhammad al-Sa'id, *op.cit.*, h. 93.
18. *Musaqat* ialah seseorang menyerahkan pokok (kepunyaannya) kepada orang lain untuk menyiram dan membuat apa yang patut terhadapnya dengan upahan sebahagian yang ditentukan daripada buahnya, lihat Ibn Qudamah, *op.cit.*, Juz. 5, h.391.

19. *Qirad* ialah seseorang menyerahkan wangnya kepada orang lain untuk diniagakan sementara keuntungannya dibahagi antara keduanya yang dikenali juga dengan panggilan mudarabah di kalangan penduduk Iraq. Lihat Qalyubi, al-sheikh wa 'Umairah, *Qalyubi wa 'Umairah*, Kaherah, t.t. Juz. 3, h.51.
20. Untuk keterangan lanjut lihat, Dr. Muhammad al-sa'id, *op.cit.*, h.93.
21. *Ibid*, h.94; cf. Dr. Husain Hamid Hassan, *op.cit.*, h.29.
22. Al-Syatibi, *op.cit.*, hh. 11-12.
23. Husin Hamid Hassan, Dr. *op.cit.*, h.33.
24. *Mubtadi'* ialah pereka (orang yang mencipta) sesuatu yang bercanggah dengan ajaran Islam yang dikenali sebagai ahli bida'ah. Manakala bid'aah pula digunakan dalam bahasa Melayu sebagai perkara baru atau pengajaran yang menyalahi Syara', lihat Idris al-Marbawi *Qamus Idris al-Marbawi*, Kaherah, Juz I, 1950M, h. 43.
25. Lihat Dr. Muhamad al-Said, *op.cit.*, h.100.